

Mendahului Singapura dan Thailand

Malaysia batal lawatan pegawai Russia

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia hari ini dengan rasminya membatalkan lawatan rombongan dari Kementerian Luar Russia ke negara ini sebagai membantah tindakannya menembak jatuh kapal terbang penumpang Korea (KAL).

Dengan tindakan itu, Malaysia dengan tegas mendahului Singapura dan Thailand yang masih menunda lawatan rombongan itu yang bertujuan meningkatkan hubungan dua hala.

Timbalan Menteri Luar, Encik Kadir Sheikh Fadzir, berkata pendapat dan reaksi rakyat Malaysia mengenai peristiwa yang meragut nyawa 269 orang penumpang kapal terbang itu melarang rombongan itu untuk datang ke negara ini.

"Apatah lagi tindakan Russia itu telah membunuh seorang anak Malaysia yang begitu bijak, Encik Slow Won Kwong, 23. Rakyat mempunyai sebab untuk berkebangun atas kematiannya itu," tegas beliau.

Rombongan itu, yang akan diketuai oleh Ketua Bahagian Asia Tenggara, Kementerian Luar Russia, Encik Zaitsev, sepatutnya mengadakan lawatan rasmi ke negara ini minggu ini.

Tindakan tegas kerajaan itu disampaikan kepada Duta Russia, Encik B. T. Koulik, di Wisma Putera hari ini.

Sepanjang 30 minit perbincangan antara Timbalan Menteri Luar dan Duta Russia itu, Encik Koulik cuba mempertahankan tindakan negaranya dan menerangkan bahawa pihak Russia tidak bersalah dalam perkara itu.

"Mereka juga telah menyatakan bahawa pihak kedutaan telah menerima beberapa panggilan ugutan untuk memusnahkan bangunan itu dan syarikat penerbangan Aeroflot dari pihak-pihak yang membantah tindak-tanduk mereka," kata Encik Kadir.

Menurut beliau, pengumuman Ketua Setiausaha Kabinet Jepun mengenai mesej radio yang dikesan dari jet pejuang MiG Russia mengesahkan kapal terbang penumpang itu memang ditembak oleh Russia.

"Lampu penerbangan yang berkelip-kelip itu saja sudah menunjukkan bahawa pesawat itu adalah kapal terbang penumpang milik syarikat penerbangan perdagangan.

"Mereka boleh memerintah agar kapal terbang itu mendarat sekiranya mereka menganggap kapal terbang itu milik Amerika Syarikat yang dihantar untuk tujuan mengintip, dan mendedahkan kepada dunia tentang sikap Amerika Syarikat, tetapi mereka mengambil keputusan untuk menghembaknya," tambah beliau.

Timbalan Menteri itu juga telah mengarahkan wakil-wakil Malaysia di Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar mengambil tindakan cergas menyuarakan pendirian mereka mengenai sikap Russia dalam perdebatan Majlis Keselamatan PBB nanti.

Mengenai kemungkinan Malaysia menyekat perkhidmatan agensi penerbangan Russia, Aeroflot, beliau menegaskan segala keputusan mengenai ini bergantung kepada keputusan perdebatan itu seperti yang diarahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahahitir Mohamad.

Encik Koulik ketika diminta mengulas mengenai tindakan jet pejuang Russia itu berkata: "Tidak ada apa yang hendak dicakapkan lagi, dan kertas ini saja yang akan menyatakan semuanya (sambil menyerahkan tiga helai kenyataan dari Berita Tass).

"Saya tidak akan bercakap apa-apa yang terkeluar dari kenyataan itu," tegasnya.